



Peserta Bengkel Kebersihan dan Keselamatan Kafeteria UMS

KENANGAN ... Peserta Bengkel Kebersihan dan Keselamatan Kafeteria UMS mengabadikan kenangan.

## BPKP-UMS anjur Bengkel Kebersihan, Keselamatan Kafeteria

**UB 23/4/2011 BB**  
KOTA KINABALU: Bahagian Perumahan dan Kebajikan Pelajar (BPKP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan Bengkel Kebersihan dan Keselamatan Kafeteria baru-baru ini.

Program yang diadakan di Beringgis Beach Resort, Papar itu disertai oleh seramai 46 peserta yang terdiri daripada para pegawai BPKP Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP), Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP), pengetua Kolej Kediaman UMS, Chase Perdana Sdn Bhd (CPSB) dan Exco Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) UMS.

Pengerusi Pengangur, Mat Usup Rasid berkata bengkel itu bertujuan memberi pendedahan dan pengalaman kepada para peserta untuk memahami dan menimba



En Mat Usup menyampaikan Resolusi Bengkel Kebersihan dan Keselamatan Kafeteria kepada Prof. Madya Sharifudin Md Shaarani (wakil TNC Hepa) dan disaksikan oleh En Darwis Awang Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar

SERAH ... Mat Usup menyampaikan Resolusi Bengkel Kebersihan dan Keselamatan Kafeteria kepada Prof. Madya Sharifudin (wakil TNC Hepa) disaksikan Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar Darwis Awang.

pengetahuan baru berkenaan kebersihan dan keselamatan kafeteria.

Ia selaras dengan matlamat BPKP yang mengutamakan kebijakan dan keselamatan pelajar, yang juga pelanggan

utama kepada kafeteria di UMS.

Dekan SSMP, Prof Madya Dr Sharifudin Md Shaarani berharap agar melalui peraturan-peraturan kafeteria yang

dibincangkan dalam bengkel itu dapat meningkatkan lagi perkhidmatan kafeteria sama ada dari segi pengurusan makanan, pekerja mahupun jaminan persekitaran yang bersih dan selamat.

Beliau berbangga kerana satu resolusi berjaya dicapai hasil perbahasan para peserta bengkel khususnya dalam mencari jalan penyelesaian bagi masalah yang sering dihadapi dalam pengurusan kafeteria.

Bengkel selama tiga hari itu dikendalikan oleh penceramah kompeten dari UMS dan Kementerian Kesihatan. Sebanyak topik telah diutarakan merangkumi Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Kafeteria, Perolehan dan Sebutharga, Perundangan dan Tatatertib, Kebersihan serta Bidang Kuasa Kafeteria.